

| | | | |
|------------|---------------|---------|------------------------|
| TARIKH | 7 / 12 / 2016 | SEKSYEN | MAJLIS SERIBU KENANGAN |
| MUKA SURAT | 6 | RUANGAN | |

ISU PEMBATALAN YURAN BAHARU VISA HAJI, UMRAH



Jamil Khir (tiga dari kanan) ketika mempengerusikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Ke-14 dan Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Brunei, Indonesia dan Singapura di Kuala Lumpur, semalam.

Tunggu jawapan Arab Saudi

➔ Keputusan rasmi elak jemaah dapat maklumat tak pasti

Oleh Mohd Naseruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Malaysia sudah merujuk Arab Saudi bagi mendapatkan penjelasan rasmi berhubung laporan media mengenai pengisytiharan pembatalan yuran baharu visa haji dan umrah bermula tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata selepas jawapan rasmi diperolehi, akan dihebah kepada umum, bagi mengelak salah tanggapan.

"Sejauh mana kebenarannya, kita masih belum dapat kenyataan rasmi dari Arab Saudi. Kita

menunggu keputusan sebab kita tidak mahu masyarakat yang mahu laksana ibadah umrah dan haji mendapat maklumat yang tidak pasti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan tahunan tidak rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Malaysia, Brunei, Singapura serta Indonesia (MABIMS) Ke-17, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Hal Ehwal Agama Brunei, Awang Badaruddin Othman; Menteri Agama Indonesia, Lukman Hakim Saifuddin serta Menteri Perhubungan dan Penerangan Singapura, Dr Yaacob Ibrahim.

Pada pertemuan itu, Jamil berkata, MABIMS bersetuju untuk menangani masalah umrah dalam kalangan negara anggota

secara bersama.

Laporan media

Laporan media Arab Saudi sebelum ini memetik pemerintah negara itu, Raja Salman Abdulaziz mengisytiharkan akan membatalkan yuran baharu visa haji dan umrah sebagaimana dinyatakan ahli Jawatankuasa Tertinggi Haji dan Umrah, Nasir Toruk.

Keputusan itu dibuat susulan protes rakyat Mesir dan umat Islam di negara lain yang menyifatkannya sebagai mahal, lapor *Alborsa News*.

Dalam pada itu, Jamil berkata, pertemuan MABIMS kali ini turut bersetakat meluluskan beberapa resolusi berkaitan hak asasi manusia dari perspektif Islam.